



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. 8 ()
Tarikh : **23 Disember 2017**

SIARAN MEDIA

KELULUSAN PINDAAN AKTA APMM 633 MANTAPKAN OPERASI MARITIM MALAYSIA

PUTRAJAYA, 23 DISEMBER - Rang Undang-Undang Akta APMM (Pindaan) 2017 diluluskan Dewan negara pada 19 disember lalu selapas bacaan kali ketiga.

Kelulusan itu membolehkan Akta APMM 633 dipinda buat kali pertama sejak diwartakan pada 2004 dan sekaligus membolehkan peruntukan berhubung penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM), penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia (PASKAM) serta pewujudan Lokap Maritim Malaysia.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Dato' Sri Zulkifili bin Abu Bakar berkata, "kelulusan pindaan Akta APMM 633 ini merupakan perkara yang dinanti-nantikan oleh seluruh Warga Maritim Malaysia di mana dengan adanya peruntukan baharu di dalam akta ini maka pengoperasian Agensi akan menjadi lebih mantap".

"Dengan adanya peruntukan ini, peranan dan tugas Maritim Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana adanya sokongan daripada Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM) meskipun peranan pasukan ini adalah terhad seperti tugas mencari dan menyelamatkan (SAR) dan tugas am yang lain."

“Di samping itu, dengan kewujudan Pasukan Kadet Maritim Malaysia (PASKAM) pula dapat menaikkan imej Maritim Malaysia dengan membolehkan ia dikenali ramai bermula di peringkat sekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Kadet ini berfungsi untuk memberi pendedahan kepada peranan dan fungsi Maritim Malaysia di peringkat awal persekolahan lagi.”

Dalam pada itu, beliau turut berkata dengan adanya pewujudan lokap pula ia akan melancarkan lagi proses berhubung hal-hal melibatkan tahanan. " Lokap ini sangat diperlukan kerana selama ini Maritim Malaysia hanya menumpang lokap agensi lain bagi menempatkan tahanannya. Semasa proses siasatan, isu pembaziran masa dan tenaga dalam urusan kemasukan dan pengeluaran tahanan daripada lokap agensi lain akan dapat diatasi dengan baik.”

Maritim Malaysia akan merancang dengan teliti bagi melaksanakan ketiga-tiga peruntukan baharu ini mengikut peruntukan kewangan sedia ada yang diberikan pihak kerajaan serta berusaha mendapatkan peruntukan baharu bagi memastikan kesemua agenda dapat dilaksanakan dengan berkesan terutamanya bagi pelaksanaan PSMM dan PASKAM.

Rang Undang-Undang Akta APMM (Pindaan) 2017 bacaan kali ketiga itu dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan bin Kassim.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya.

Sebarang penjelasan lanjut sila hubungi:
Encik Zulhafiq bin Halim
Pegawai Komunikasi & Multimedia Maritim Malaysia
Tel : 013-2733588
E-Mail : zulhafiq@mmea.gov.my